

## **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan mengkaji kepentingan struktur organisasi dan pengurusan Jabatan Editorial yang mantap dalam menentukan keuntungan sesebuah organisasi penerbitan buku. Jabatan Editorial merupakan nadi kepada organisasi penerbitan buku. Jabatan ini berperanan penting dalam membentuk judul iaitu produk organisasi penerbitan buku. Kegagalan untuk menghasilkan judul yang dapat bersaing akan menyebabkan kerugian kepada organisasi penerbitan. Buku juga sama seperti produk yang lain, iaitu bersaing di pasaran. Penerbit yang cekap akan menguasai pasaran. Oleh itu setiap penerbit harus mencari jalan bagaimana dapat menghasilkan buku dengan cepat, berkualiti, tepat dan laris di pasaran. Oleh itu kajian ini juga akan melihat kepada bentuk struktur organisasi dan pengurusan yang sesuai dalam membantu Jabatan Editorial menghasilkan judul dengan cepat. Kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian turut serta. Maklumat diperoleh melalui pengalaman pengkaji sendiri dalam mengurus dan menyusun struktur organisasi Jabatan Editorial organisasi yang dikaji iaitu Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd. Temu bual bersemuka pula dilakukan untuk mendapatkan maklumat tentang sejarah dan latar belakang syarikat dan juga permasalahan dalam struktur organisasi dan pengurusan Jabatan Editorial. Daripada kajian didapati struktur organisasi yang disusun secara matriks amat sesuai bagi Jabatan Editorial kerana ia dapat melancarkan dan mempercepatkan proses penerbitan buku. Struktur organisasi dan pengurusan editorial yang mantap juga dapat membantu meningkatkan produktiviti Jabatan Editorial dan menjamin keuntungan sesebuah syarikat penerbitan.

## **ABSTRACT**

This research looks at the importance of having a well-managed and organised Editorial Department to drive the profitability of a book publishing company. The Editorial department being the pulse of a publishing house, plays a pertinent role in list-building, the products of a publishing company. Failure to produce competitive and market-driven titles may result in setbacks and losses for the publisher. Books, like any other products, compete openly in the market. The publisher that reads the market well is able to influence market forces towards his products and ultimately be the market leader. Therefore, each publisher should innovate ways to publish quality, accurate and highly saleable books within a shorter time. This research also examines the organisational structure dan suitable management styles necessary to nurture and motivate the Editorial Department to produce more titles more frequently. The approach used in this research is observation through participation. The information is obtained through the researcher's own experience in the organisation and management of the Editorial Department in Utusan Publications & Distributions Sdn. Bhd. Face-to-face interviews were conducted to gather information about the history dan background of the company as well as the problems faced in the management and organisation of the Editorial department. Based on the research, it was found that the organisational structure was formed using the most appropriate matrix for an editorial department to expedite the publishing process of a book. An well-managed department also creates a conducive environment that drives productivity and determines the profitability of a publishing company.